Harian Metro

HARI : KHAMIS
TARIKH : 27/2/2020
M/SURAT : 7A

RINGKAS

Kompaun premis jual harga cekik darah

Petaling Jaya: Tindakan sebuah premis di Bandar Sunway di sini, menjual topeng muka pada harga cekik darah iaitu RM10 untuk satu paket mengundang padah apabila pemiliknya dikenakan kompaun.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan di premis berkenaan jam 1.14 tengah hari pada 12 Februari lalu susulan aduan orang awam mengenai penjualan topeng muka melebihi harga kawalan ditetapkan.

"Hasil siasatan mendapati premis terbabit menjual barang harga terkawal itu pada harga RM10 satu paket yang mengandungi tiga keping sedangkan harga maksimum ditetapkan RM2.40 satu paket (tiga keping).

"Justeru, kami mengenakan kompaun kerana pemilik premis melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.